

**SEKSYEN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN,
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
'FLY HIGH'**

**SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN LESEN
SISWA NIAGA**

Merujuk kepada Buku Panduan dan Peraturan Am PSIS Edisi 2019, terdapat dua (2) perkara yang pelajar perlu ambil berat berkaitan aktiviti perniagaan sesama di kampus. Jika perkara yang terkandung seperti yang dinyatakan tidak dipatuhi, pelajar boleh dikenakan hukuman/denda (RM). Sila baca hal berikut:

1. Bil. 13 (HAL-HAL LAIN)

Pelajar yang terlibat dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, atau perdagangan, samada sepenuh atau separuh masa tanpa kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya (SPU PSIS).

**2. Bil. 14.12 (LARANGAN BERNIAGA DI KOLEJ
KEDIAMAN)**

Penghuni berniaga di mana-mana kawasan kolej kediaman kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya (SPU PSIS).

Bagi mengatasi perkara ini, setiap pelajar wajib mendaftar dan mendapat lesen perniagaan dahulu daripada Seksyen Pembangunan Keusahawanan PSIS.

Setiap lesen yang diluluskan, tempoh aktif adalah selama satu (1) tahun atau tamat berlajar.

SYARAT UMUM:

- 1) **Terbuka** kepada **semua pelajar PSIS**.
- 2) **Pendaftaran** adalah secara **individu** ataupun **berkumpulan**.
- 3) Pendaftaran adalah **percuma**.
- 4) **Pelajar** yang mengambil **Subjek Keusahawanan wajib mendaftarkan** perniagaan mereka melalui lesen siswa ini.
- 5) Tiada had untuk bilangan penyertaan daripada setiap pelajar.
- 6) Namun begitu, pelajar disarankan mematuhi setiap peraturan yang telah ditetapkan untuk PSIS, antaranya:
 - **Kempen Tanpa Plastik & Politerin sekali guna.**
 - **Tidak memasak di kawasan larangan (rujuk SPU PSIS).**
 - **Tidak menjual barang yang menyalahi undang-undang.**
 - **Mendapatkan suntikan Typoid atau mengikuti kursus pengendalian makanan bagi pengendali semua jenis perniagaan Makanan.**
- 7) **Keterangan lanjut boleh hubungi:** Seksyen Pembangunan Keusahawanan PSIS [**En. Mohd Zaini Bin Zainudin: 013-270 7004** atau **Puan Raja Irfah Hilyani Binti Raja Ab Rahman: 013-980 3727**] atau **emailkan** kepada usahawanpsis@gmail.com